
**Tiga fasa monsun pengaruhi keadaan cuaca**

Mohamad Hussin mohamad\_hussin@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Fenomena global yang mempengaruhi keadaan cuaca semasa seperti El-Nino terbentuk dan berterusan hingga Mei depan, kata Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geo Fizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia Dr Hisham Mohd Anip.

Menurutnya, sepanjang tempoh tinjauan Mac hingga Ogos ini, keadaan cuaca di negara ini dipengaruhi tiga fasa monsun iaitu Monsun Timur Laut (Mac),

peralihan monsun (April) dan Monsun Barat Daya (Mei-Ogos).

Beliau berkata, penghujung Monsun Timur Laut dan kebanyakan tempat lazimnya kurang menerima hujan bagi tempoh yang panjang.

"Keadaan ini juga boleh menyebabkan bacaan suhu di negeri-negeri di sebelah utara dan tengah Semenanjung meningkat kerana cenderung untuk mengalami keadaan cuaca yang lebih panas dan kering berbanding negeri lain.

"Pada bulan ini, kebanyakan tempat di Semenanjung dijangka menerima jumlah hujan pada paras purata kecuali

Sepanjang tempoh ini, aktiviti perolakan cenderung untuk berlaku berikutan tiupan angin yang lemah dari pelbagai arah di samping keadaan atmosfera yang tidak stabil"

**Dr Hisham**

di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Hulu Perak, Kelantan dan Terengganu yang dijangka menerima hujan sedikit di bawah paras purata dengan jumlah kurang daripada 150 milimeter (mm).

"Negeri-negeri di Pantai

Barat Semenanjung dijangka menerima jumlah hujan di antara 100 hingga 350 mm. Kebanyakan bahagian di negeri Sabah masih lagi dijangka menerima jumlah taburan hujan yang kurang berbanding purata bulanan iaitu dengan jumlah kurang daripada 150 mm," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Hisham berkata, musim peralihan monsun kebiasaannya berlaku pada bulan April dan lazimnya berakhir pada pertengahan Mei.

"Sepanjang tempoh ini, aktiviti perolakan cenderung untuk berlaku berikutan tiupan angin yang lemah dari pelbagai arah






LAMPIRAN 11 (SAMB)  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)



TEMERLOH

**Empangan Bukit Kwong di bawah paras normal**



EMPANGAN Bukit Kwong surut hingga menampakkan timbunan pasir akibat daripada cuaca panas.

di samping keadaan atmosfera yang tidak stabil. "Ini boleh mengakibatkan hujan lebat berserta ribut petir dan angin kencang boleh terjadi pada sebelah petang terutama bagi negeri-negeri di pantai barat Semenanjung.

"Sepanjang April ini, kebanyakan tempat di Semenanjung masih lagi dijangka menerima hujan pada paras purata kecuali di Hulu Perak, Kelantan dan sebahagian utara negeri Terengganu yang dijangka menerima taburan hujan kurang daripada 150 mm iaitu sedikit bawah daripada paras purata hujan bulanan. Menurutny, lain-lain tempat di Semenanjung

dijangka menerima jumlah hujan di antara 150 hingga 400 mm.

"Manakala di negeri Sarawak, kebanyakan bahagian dijangka menerima jumlah hujan pada paras purata sepanjang tempoh Mac ini. Kawasan pedalaman Sarawak seperti Bahagian Kapit dijangka akan menerima cuaca yang lebih lembap berbanding bahagian lain dengan jumlah hujan bulanan boleh mencecah sehingga 450 mm," katanya.

**Kota Bharu:** Musim kemarau yang melanda menyebabkan paras empangan Bukit Kwong di Rantau Panjang semakin surut dan dijangka hanya mampu bertahan hingga April ini.

Mengikut portal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras air empangan berkenaan setakat semalam merekodkan 14.35 meter (m) berbanding paras normal 16.76m dan bekalan air berkenaan masih boleh digunakan sebanyak dua meter.

Pengarah JPS Kelantan, Kamal Mustapha berkata, paras air empangan itu masih terkawal dan mampu menyalurkan bekalan air kepada 400

hektar tanaman padi di sekitar Rantau Panjang dan Pasir Mas.

Katanya, sekiranya air di empangan itu menyusut sehingga 12m, pihaknya boleh mengisytiharkan empangan berkenaan berada dalam keadaan kritikal dan di zon merah.

"Bagi memastikan paras air terkawal, kami mengambil langkah

penjimatan supaya bekalan air digunakan dengan cermat dan tidak mengganggu proses tanaman padi.

"Pada masa sama, kami mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan pesawah untuk mengambil langkah penjimatan yang dipersetujui semua," katanya di sini, semalam.

LAMPIRAN 12  
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

# 70 titik panas dikesan

➔ Peningkatan 100 peratus di Pahang bulan ini berbanding Februari lalu

Oleh Syalikhah Sazili dan Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengesan sebanyak 70 titik panas sejak awal Mac sehingga semalam, yang menunjukkan peningkatan 100 peratus berbanding hanya 26 direkodkan pada Februari.

Pengarah JAS Pahang, Rosli Zul, berkata ia berpunca daripada cuaca panas dan aktiviti pembakaran terbuka tidak terkawal oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Daerah Pekan paling banyak

titik panas, iaitu sebanyak 34, diikuti Rompin 21; Jerantut (5); Temerloh, Kuantan, Lipis dan Temerloh masing-masing dua titik panas serta Bera dan Bentong satu titik panas," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

## Pembakaran terbuka

Beliau berkata, sepanjang bulan ini berlaku peningkatan yang mendadak bilangan titik panas yang berpunca daripada pembakaran terbuka di kawasan seperti ladang, belukar dan tanah gambut.

"Apabila keadaan cuaca panas dan kering dengan ketiadaan hujan yang berpanjangan seperti pada waktu ini, sememangnya

akan menyumbang kepada berlakunya peningkatan bilangan titik panas.

"Peningkatan ini berpunca daripada kes pembakaran terbuka, sama ada disengajakan ataupun tidak yang boleh mengakibatkan jerebu," katanya.

Sementara itu, Rosli meminta penduduk di seluruh negeri ini supaya tidak melakukan pembakaran terbuka pada musim panas dan kekurangan hujan ketika ini, kerana dikhuatiri menjejaskan kualiti udara setempat.

"Orang ramai dan syarikat perladangan perlu bertanggungjawab dengan tidak membuat pembakaran terbuka, yang boleh didakwa di mahkamah.



Rosli Zul

"Mereka berdepan kompaun maksimum RM2,000 atau denda RM500,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan," katanya.

Orang ramai diminta melaporkan segera ke JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727 sekiranya mempunyai sebarang maklumat mengenai pembakaran terbuka, sehingga merebak ke kawasan lebih besar terutama di belukar dan hutan.

LAMPIRAN 13
NEWS STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

THANK THE LUCKY STARS

MALAYSIA SPARED FROM WORST-CASE SCENARIO

Country will not be enveloped by haze from Mekong region and Indonesia, says Met Dept

ESTHER LANDAU
KUALA LUMPUR
cnews@nstp.com.my

THE hot and dry spell affecting Malaysia, while posing an inconvenience to many, could have been much worse were it not for several factors. Parts of the country recently became hotspots due to forest fires and open burning, but had since cooled thanks to sporadic rain since Tuesday. And Malaysians can thank their lucky stars because the haze in the Mekong region (Thailand, Vietnam and Cambodia) will not

affect the country. The Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) website showed that there were more than 30 hotspots in the Mekong or north Asean region. However, the Meteorological Department said there was little danger of the haze being blown to Malaysia because wind from the region was blowing towards the South China Sea. Fears that the haze in Indonesia's Sumatra and Kalimantan, which also had hotspots triggered by a dry spell and land clearing, could envelope Malaysia had proven unfounded. Meteorological Department National Weather and Geophysics Operations Centre director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said Malaysia was currently in the inter-monsoon phase, which meant that the winds were constantly changing direction. "Right now, wind from Indonesia is not blowing to Malaysia, hence any haze from hotspots

there will be contained within the republic. "But during the southwest monsoon, which is expected to begin in the middle of May, the wind will come from the southwest, or Indonesia," he said. Traditionally, the transboundary haze from Indonesia would come to Malaysia in August and last till October. On fears that haze could be developing in the country, Hisham said people need not worry as the situation would not be prolonged. Meanwhile, Peninsular Malaysia is experiencing hot weather, with hotspots detected in Pahang, Sarawak and parts of Selangor. Department of Environment director-general Datuk Dr Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim said six complaints of open burning had been received in Miri. Checks with the Air Pollutant Index of Malaysia website yesterday found that readings across the country were at "moderate" and "good" levels.

Almost half of Pahang's hotspots found in Pekan

KUANTAN: A total of 70 hotspots have been detected in Pahang this month, a massive increase compared with only 26 recorded the month before. Pahang Department of Environment director Rosli Zul said this was due to a combination of factors, namely the hot weather and open burning by irresponsible parties. "Pekan has the most hotspots at 34, followed by Rompin at 21, Jerantut at five, Temerloh, Kuantan, Lipis and Temerloh with two each, as well as Bera and Bentong, which have one hotspot each." He said this month has seen a sharp increase in the number of hotspots due to fires in plantations and peat land. "When there is hot and dry weather, coupled with an extended period of no rain, this will definitely contribute to the rise in the number of hotspots. "This increase can be attributed to the large number of open burning cases, triggered either on purpose or by accident, which



A firefighter putting out a fire at Jalan Kuantan-Pekan near Kuantan on Wednesday. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

would impact air quality and lead to the haze," he said. Rosli urged the people of Pahang to refrain from conducting any open burning. "Plantation companies, as well as the public, need to act responsibly. "Those found to conduct open

King advises Malaysians to safeguard health



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah has expressed concern about the current hot weather plaguing the nation. In an official statement yesterday, issued by Comptroller of the Royal Household Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, Malaysians were advised to take precautionary measures to safeguard their health, and cautioned against conducting any open burning that could worsen the situation. According to the statement, the soaring temperatures were a result of a combination of factors, including the lack of cloud cover and low rainfall common during the end of the north-

east monsoon season. They had caused the country to experience its driest period. "His majesty the Yang di-Pertuan Agong advises Malaysians to be vigilant and extra careful during the hot weather. "Children and the elderly should be monitored as they are vulnerable to the effects of the increased temperatures. "His majesty calls on everyone to constantly stay hydrated and strongly cautions against open burning, and hopes that the people will take greater care of themselves and their loved ones during this heatwave," read the statement.



# LAMPIRAN 13 (SAMB) NEWS STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 5 TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

## 176 fires in northern Sarawak over 21 days

**MIRI:** A total of 176 forest fires have been reported throughout Sarawak in the span of 21 days, affecting 109 hectares of land.

Apart from Miri, forest fires were reported in Bintulu, Kuching and Sarikei, believed to be due to the hot and dry weather.

A spokesman for the Sarawak fire and rescue operations centre said this marked an increase in the number of forest fires since early last month. Last month, 19 fires were reported.

"The extreme hot weather means fires can spread easily and are hard to contain. As such, we are appealing to the people to refrain from conducting open burning," said the department yesterday.

The fires, centred in Sarawak's



Haze on the coastal road between Miri and Bintulu caused by nearby forest fires yesterday. (Inset) State Tourism, Arts and Culture Assistant Minister Datuk Lee Kim Shin says people in affected areas should reduce their outdoor activities. PIC BY KANDAU SIDI

northern region, had also led to reports of haze.

The state had activated 11 tube wells in its northern region to prepare for peat fires.

The move was also meant to stem the formation of haze as seen in previous years.

State Tourism, Arts and Culture Assistant Minister Datuk Lee Kim Shin said all state agencies had been put on alert.


He said the tube wells were activated to moisten the peat land and raise the ground water level in areas deemed prone to fires.

"The extreme hot spell now can lead to serious forest fires, thus creating haze problems like we saw several years ago in Miri."

Lee said the relevant agencies, especially the state Fire and Rescue Department, had been asked to take early measures to ensure

that forest fires did not spread.

Lee, who is Senadin assemblyman, said a special meeting with the Miri Residents' Office would be called to identify the best way to control forest fires. He advised those in affected areas to reduce outdoor activities.



Felda Chini residents performing a 'solat sunat istisqa' for rain at the Felda Chini 4 field in Pekan yesterday. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

## Felda Chini residents pray for end to dry spell

**PEKAN:** More than 700 people in Felda Chini performed a *solat sunat istisqa* at the Felda Chini 4 field yesterday to pray for rain to end the hot and dry weather affecting the state since early this year.

The prayers, which began at 8.15am, were led by the Agricultural Entrepreneurship Development Board (LKKP) mosque grand imam, Abdul Haris Abdul Karim.

Haris said the residents had agreed to pray for rain following the prolonged drought that had affected their livelihoods.

He said the water level of Sungai Pahang had also declined due to the dry spell, affecting water supply in their area.

"The *solat sunat istisqa* is held when there is a prolonged drought. We are grateful that many residents were able to join us today (yesterday).

**This marks the residents' efforts to seek Allah's blessing so that the drought will end, and that the rains will return.**

**ABDUL HARIS ABDUL KARIM**  
LKKP mosque grand imam

"This marks the residents' efforts to seek Allah's blessing so that the drought will end, and that the rains will return."

Haris said the programme managed to draw a large number of attendees although it was planned only four days ago.

A Felda Chini 2 resident, Hashim Awang Nong, 69, said the drought this year was worse than in 2015.

"We organised the same prayers during a drought four years ago. But back then, there was no water supply shortage like this year. In 2015, only residents living in higher areas had no water, but rationing was also carried out.

"This time, even those living in low areas have not had any water supply for almost a month. We have to undergo water rationing almost every night," he said.

Hadali Hashim, 65, of Felda Chini 3 said the prayers were a good initiative.



LAMPIRAN 14  
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

## Yang di-Pertuan Agong nasihat rakyat minum banyak air

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa kebimbangan, dengan fenomena cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Justeru, baginda menasihatkan rakyat terutama kanak-kanak dan warga tua, supaya sentiasa dipantau kerana mudah terkesan dengan peningkatan suhu cuaca.

"Peningkatan suhu yang tinggi aki-

bat kombinasi faktor, termasuk kekurangan awan dan kadar hujan yang rendah di penghujung monsun timur laut, mengakibatkan keadaan kering di negara ini.

### Rakyat dinasihat berhati-hati

"Seri Paduka menasihatkan rakyat Malaysia supaya berwaspada dan berhati-hati dengan cuaca panas yang melanda negara," kata kenyataan Istana Negara yang dikeluarkan

Datuk Panglima Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin di sini, semalam.

Baginda turut menggesa supaya rakyat kekal hidrasi dan melarang sebarang kegiatan pembakaran terbuka, selain berharap rakyat akan menjaga diri masing-masing serta insan tersayang sepanjang fenomena ini.

BH sebelum ini melaporkan fenomena cuaca panas yang melanda bahagian barat Semenanjung dan Sa-



Baginda turut melarang sebarang kegiatan pembakaran terbuka"

**Ahmad Fadil Shamsuddin,**  
Datuk Panglima Bijaya Diraja

bah, dijangka berterusan hingga hujung Mac ini.

### Panas hingga hujung Mac

Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata cuaca panas yang berlaku ketika ini adalah fenomena biasa yang melanda negara berikutan penghujung monsun timur laut.

**LAMPIRAN 15**  
**SINAR HARIAN (SAINS): MUKA SURAT 15**  
**TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)**

## ***Guna pendingin hawa secara bijak***

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pengguna mengamalkan penggunaan pendingin hawa secara bijak ketika cuaca panas, yang dijangka sehingga Mei kerana ia boleh mengakibatkan atau menjurus kepada penggunaan tenaga tinggi.

Berikut antara langkah  
menjimatkan penggunaan  
tenaga, terutama pendingin  
hawa yang mudah  
dipraktikkan

- Melaraskan suhu sistem pendingin hawa antara 24 hingga 26 darjah Celsius.
- Menukar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan. Penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa.
- Menyenggara pendingin hawa secara kerap juga boleh membantu beroperasi pada tahap optimum.
- Tutup semua pintu dan tingkap serta lubang edaran udara bagi memastikan udara sejuk tidak keluar dari bilik.
- Pada waktu malam, pasang kipas dan tetapkan masa untuk pendingin hawa dipadamkan. Selalunya suhu bilik akan mencecah tahap selesa selepas beberapa jam pendingin hawa dipasang, namun kos menggunakan kipas lebih murah, selain membantu pengedaran udara di dalam bilik.
- Pengguna digalakkan ganti pendingin hawa yang lama kerana ia tidak lagi cekap setelah bertahun-tahun digunakan.
- Jika ingin membeli pendingin hawa baharu, pengguna dicadangkan memilih model yang mempunyai bilangan bintang kecekapan tenaga paling tinggi. Lebih banyak bintang bermaksud peralatan itu lebih cekap tenaga.
- Pemilihan saiz dan jenis pendingin hawa yang tepat iaitu bersesuaian dengan saiz ruang bilik juga penting, kerana kapasiti kuasa kuda (horsepower) pendingin hawa yang terlebih besar bukan sahaja lebih mahal untuk dibeli dan dipasang, malah menggunakan tenaga elektrik lebih tinggi.



LAMPIRAN 16  
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 40  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

# TNB kongsi cara jimat penggunaan tenaga

**KUALA LUMPUR 21 Mac** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menasihatkan pengguna untuk menga-  
malkan penggunaan pendingin  
hawa secara bijak ketika feno-  
mena cuaca panas yang melanda  
negara ketika ini.

TNB berkata, ia adalah untuk  
mengelakkan penggunaan tena-  
ga yang tinggi dan memastikan  
penggunaan elektrik diuruskan  
dengan lebih baik.

"Antara langkah penjimatan  
penggunaan tenaga yang mu-  
dah dipraktikkan adalah me-  
laraskan suhu sistem pendingin  
hawa antara 24 hingga 26 darjah  
celsius; menyenggara pendingin  
hawa secara kerap dan  
menutup semua pintu dan ting-  
kap serta lubang edaran udara



**TENAGA NASIONAL**

untuk memastikan udara sejuk  
tidak keluar dari bilik," katanya  
dalam kenyataan hari ini.

Tambah syarikat utiliti itu,  
pengguna dinasihatkan agar  
lebih kerap menukar dan mem-  
bersihkan penapis pendingin  
hawa bagi memaksimumkan  
potensi penyejukan kerana  
penapis kotor akan menghalang  
udara dan mengurangkan ke-  
cekapan pendingin hawa.

## INFO

### PETUA MENJIMATKAN PENGGUNAAN ELEKTRIK UNTUK PENDINGIN HAWA

- Laraskan suhu antara 24 hingga 26 darjah celsius
- Menyenggara pendingin hawa secara kerap
- Tutup semua pintu, tingkap dan lubang edaran udara
- Pasang kipas dan tetapkan masa untuk pendingin hawa dimatikan
- Ganti pendingin hawa yang lama
- Pilih model yang ada bintang kecekapan tenaga paling tinggi

"Pada waktu malam, pa-  
sang kipas dan tetapkan masa  
untuk pendingin hawa dimati-  
kan. Selalunya suhu bilik akan  
mencecah tahap selesa selepas  
beberapa jam pendingin hawa

dipasang. Kos menggunakan  
kipas adalah lebih murah selain  
membantu pengedaran udara  
dalam bilik," katanya.

Pengguna juga digalakkan meng-  
gantian pendingin hawa yang

lama kerana ia tidak lagi cekap  
tenaga setelah bertahun-tahun  
digunakan.

Bagi pengguna yang ingin  
membeli pendingin hawa baha-  
ru, TNB mencadangkan supaya  
memilih model yang mempun-  
yai bilangan bintang keceka-  
pan tenaga paling tinggi. Lebih  
banyak bintang bermaksud  
peralatan tersebut lebih cekap  
tenaga.

"Pemilihan saiz dan jenis  
pendingin hawa yang tepat  
iaitu bersesuaian dengan saiz  
bilik juga penting kerana kapa-  
siti kuasa kuda pendingin hawa  
yang terlebih besar bukan sa-  
haja lebih mahal, malah meng-  
gunakan tenaga elektrik yang  
lebih tinggi," katanya.

*CP - ST (2203) ml*

LAMPIRAN 17  
 SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 17  
 TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

Agong zahir keprihatinan fenomena cuaca panas

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan keprihatinan baginda terhadap fenomena cuaca panas yang melanda negara.

Dalam satu kenyataan semalam, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, Al-Sultan Abdullah bertitah agar seluruh rakyat Malaysia berhati-hati dengan keadaan cuaca panas.

"Baginda bertitah agar semua rakyat secara konsisten kekal hidrasi dan berhati-hati tidak melakukan pembakaran terbuka, serta berharap rakyat menjaga diri dan mereka yang tersayang dengan sebaiknya semasa musim panas ini," kata Ahmad Fadil.

Menurutnya, Al-Sultan Abdullah juga bertitah agar kanak-

**GELOMBANG HABA**

Satu tempoh dengan suhu tinggi yang luar biasa, melebihi suhu maksima purata harian dan keadaan cuaca yang agak panas, kelazimannya berlarutan hingga beberapa hari atau beberapa minggu.

Di Malaysia, gelombang haba ditakrifkan apabila suhu maksima harian melebihi 37°C untuk tiga hari berterusan

**TAHAP 1 (BERJAGA-JAGA)**  
 35°C - 37°C  
 Setakat 4.45 petang, 21 Mac 2019

<b>PERLIS</b> Chuping	<b>JOHOR</b> Tangkak
<b>KEDAH</b> Pendang Sik Kota Setar	<b>PAHANG</b> Jerantut
<b>PERAK</b> Hulu Perak Kinta	<b>KELANTAN</b> Jeli Gua Musang Kuala Krai

**STROK HABA**

Berlaku apabila suhu badan meningkat dengan cepat (41°C atau lebih). Biasanya terjadi akibat terdedah kepada cuaca panas yang berterusan semasa menjalankan aktiviti fizikal.

**Pencegahan**

- Elakkan aktiviti fizikal apabila berada dalam keadaan letih, lapar atau dahaga yang keterlambatan di bawah sinaran matahari berpanjangan.
- Minum 3-4 liter air kosong sehari.
- Amalkan pemakanan sihat & seimbang.

**TANDA-TANDA**

- Pening, rasa mual
- Pernafasan cepat & pendek
- Denyutan jantung menjadi cepat
- Peningkatan suhu badan mendadak (41°C)
- Tekanan darah menurun
- Tidak selesa keliru & mungkin menjadi tidak sedar
- Sawan atau pengsan

Sumber: www.met.gov.my | www.myhealth.gov.my | Infografik Bernama

kanak dan warga emas diberi lebih perhatian kerana mereka lebih berisiko terdedah kepada kesan suhu yang semakin meningkat.

Peningkatan suhu itu disebabkan pelbagai faktor,

termasuk kurangnya awan dan taburan hujan rendah, yang biasa berlaku pada akhir musim Monsun Timur Laut, menyebabkan keadaan paling kering di negara ini. - Bernama





LAMPIRAN 18  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)



AL-SULTAN  
ABDULLAH  
RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA  
BILLAH SHAH  
SULTAN AHMAD  
SHAH

### Cuaca panas: Agong nasihat rakyat hati-hati

**KUALA LUMPUR 21 Mac** - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah memandang serius cuaca panas yang terus melanda negara.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, Seri Paduka Baginda menasihatkan seluruh rakyat supaya berhati-hati dengan cuaca panas yang melanda negara.

Menurut beliau, Seri Paduka menitahkan supaya peman-

tauan perlu dilakukan secara teliti terhadap golongan kanak-kanak dan warga emas kerana mereka lebih terdedah dengan pelbagai risiko akibat suhu yang tinggi.

"Seri Paduka menitahkan semua rakyat secara konsisten untuk kekal hidrasi dan amat berhati-hati melakukan sebarang pembakaran terbuka.

"Yang di-Pertuan Agong turut berharap seluruh rakyat menjaga diri sendiri dan orang

tersayang dengan baik semasa musim panas ini," katanya menerusi kenyataan Istana Negara di sini hari ini.

Tambah Ahmad Fadil, suhu melambung tinggi yang disebabkan oleh kombinasi beberapa faktor termasuk kurangnya penutupan awan dan hujan rendah yang biasa pada akhir musim monsun timur laut.

Kata beliau, keadaan itu menyebabkan tempoh paling kering di negara ini.



LAMPIRAN 19  
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

## 176 kebakaran hutan dilaporkan di Sarawak

**Miri:** Sebanyak 176 kes kebakaran hutan dilaporkan di seluruh negeri dalam tempoh 21 hari lalu, dengan keluasan keseluruhan kawasan terjejas mencecah 109 hektar.

Selain Miri, kes kebakaran hutan turut dilaporkan di Bintulu, Kuching dan Sarikei, dipercayai berpunca daripada musim panas dan kering yang mula melanda negeri ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak berkata, terdapat peningkatan kes kebakaran hutan yang ketara berlaku sejak awal bulan lalu.

Beliau berkata, sepanjang

tempoh yang sama, jumlah kes kebakaran hutan tertinggi dilaporkan kelmarin, membabitkan 19 kes.

### Telaga tiub tangani kebakaran paya gambut

Sementara itu, Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Lee Kim Shin, berkata semua 11 telaga tiub yang dibina bagi menangani masalah kebakaran hutan paya gambut di wilayah utara negeri ini, sedia diaktifkan susulan musim panas dan kering yang mula melanda Sarawak.

Ia juga sebahagian daripada



[FOTO IHSAN BOMBA]

**Kebakaran belukar dan hutan di Miri, mengakibatkan jerebu di utara Sarawak.**

inisiatif bagi mengelak jerebu seperti yang pernah melanda wilayah utara Sarawak beberapa tahun lalu.

Katanya, semua agensi ber-

kaitan sudah diarahkan berwaspada berikutan perubahan cuaca ketika ini.

Beliau berkata, telaga tiub diaktifkan untuk melembab-

kan tanah gambut dan menaikkan paras air bawah tanah, apabila berlaku cuaca panas di lokasi yang sering terbakar.

LAMPIRAN 20  
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 26  
 TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

# 'Kantung air kian bocor'

**Ralat & rawat**

Bersama **DR. AHMAD ISMAIL** 

**S**EBAGAI sebuah negara beriklim tropika, cuaca di Malaysia panas dan lembab sepanjang tahun. Purata curahan hujan di Malaysia adalah 2,500 milimeter (mm) setahun dengan purata suhu 27 darjah Celsius.

Berdasarkan data Jabatan Statistik pada 2016 taburan hujan tahunan paling tinggi di Kuching 5,423 mm berbanding 2015 sebanyak 4,545.5mm.

Temerloh antara yang paling kurang menerima hujan iaitu 1,397.8 mm pada 2016 berbanding 1,193.2 mm pada 2015. Suhu terendah di Malaysia pada 2016 adalah di Cameron Highlands iaitu 16.2 darjah Celsius dan di Jerantut paling panas iaitu 34.2 darjah Celsius. Pada 2015 suhu di Cameron Highlands adalah 15.9 darjah Celsius and 33.8 darjah Celsius di Jerantut.

Pengaruh angin dari tanah besar dan lautan mendedahkan Malaysia kepada fenomena seperti El-Nino yang mengurangkan hujan semasa musim kering.

Perubahan cuaca yang berlaku boleh mempengaruhi paras laut dan curahan hujan boleh meningkatkan risiko banjir dan kemarau.

Semua faktor perlu diberi perhatian dan rakyat mesti disediakan dengan maklumat tentang semua perkara berkaitan hutan dan air. Kajian terperinci diperlukan bagi memudahkan persediaan dan perancangan serta pengetahuan masyarakat umum.

Berdasarkan *National Geography* setiap kanopi pokok hutan tropika boleh



**GANGGUAN** berleluasa ke atas hutan boleh mencetuskan masalah alam sekitar.

melepaskan air kira-kira 760 liter setiap tahun.

Kelembapan menghasilkan awan yang tebal di atas hutan hujan. Walaupun tiada hujan awan ini memastikan keadaan hutan lembab dan panas. Hutan hujan tropika yang terletak berdekatan Khatulistiwa juga merupakan enam peratus daripada permukaan tanah muka bumi yang menghasilkan 40 peratus oksigen dunia.

Curahan air hujan tahunan di hutan dilepaskan perlahan-lahan melalui anak-anak sungai hingga ke muara sungai dan akhirnya ke laut.

Hutan menyimpan air seperti span. Sejauh mana perkiraan telah dibuat bagi mengesahkan jumlah air sebenar dan lainnya hutan boleh simpan air masih belum dapat dijelaskan kepada awam. Berapa banyak hutan yang ditebang dan berapa banyak pula air hilang atau tidak dapat disimpan oleh hutan perlu dipantau dan direkodkan.

Tiada maklumat tepat sukar untuk diterangkan kepada pembuat polisi dan keputusan dalam pembangunan negara. Sekiranya hutan ditebang seperti tiada lagi span yang menyimpan air dan

menyebabkan air hujan terus ke sungai dan muara. Sekurang-kurangnya kitaran hidrologi hutan tropika mestilah difahami bagi menerangkan fungsi hutan berkaitan air.

Lapisan hutan hujan tropika, di atas kanopi, bawah kanopi dan lantai hutan menyediakan niche atau mikrohabitat yang kompleks dengan suhu, kelembapan dan cahaya sesuai bagi pelbagai spesies haiwan dan tumbuhan.

Kepelbagaian flora dan fauna yang tinggi di hutan tropika Malaysia menuntut lebih banyak penyelidikan dan sudah sampai masanya Malaysia mempunyai sebuah Muzium Alam Semula Jadi bertaraf antarabangsa bagi menggalakkan program pendidikan dan penyelidikan berkaitan kepelbagaian biologi.

Malaysia masih memiliki banyak kompleks hutan simpan yang produktif dari segi ekologi. Di Semenanjung misalnya terdapat Kompleks Hutan Ulu Muda, Kompleks Hutan Belum-Temenggor, Kompleks Hutan Endau-Rompin dan hutan di banjaran-banjaran utama. Di Sabah pula terdapat hutan seperti Lembah Danum, Imbak Canyon dan Lembagan Mallau. Begitu juga di Sarawak masih terdapat banyak hutan simpan.

Jika dibincangkan tentang hutan dan air, Kompleks Hutan Ulu Muda seluas lebih 163,000 hektar boleh dijadikan contoh yang baik. Kompleks hutan ini bukan sekadar hutan simpan dan habitat hidupan liar tetapi merupakan kawasan tadahan air yang penting di Kedah.

Kompleks Hutan Ulu Muda membekalkan 96 peratus air mentah Kedah, 70 peratus air mentah Perlis dan lebih 80 peratus air mentah Pulau Pinang.

Air dari hutan ini ditakung dalam empat empangan iaitu Empangan Pedu, Empangan Muda, Empangan Ahning dan Empangan Beris untuk kegunaan pertanian, perindustrian dan domestik



**PELANCARAN** Ekspedisi Sainifik Ulu Muda.

**INFO**

- Hutan Simpan Kekal (HSK) memainkan peranan penting dalam mengawal aliran air hujan.
- Setakat 2016 Malaysia masih mempunyai:
  - Hutan Simpan Kekal (12.8 juta hektar)
  - Hutan paya gambut (07 juta ha)
  - Hutan bakau (06 juta ha).
- Hutan memainkan peranan penting dalam pengurusan air negara secara semula jadi.
- Permintaan air bagi 32 juta penduduk Malaysia meningkat sebanyak 377 juta liter sehari pada 2016.
- Rakyat Malaysia menggunakan sebanyak 16,536 juta liter sehari pada 2015.
- Pada 2016 dari segi infrastruktur, 95.7 peratus penduduk Malaysia mempunyai kemudahan paip air.



Isu pembalakan Hutan Ulu Muda bukan isu perhutanan dan alam sekitar semata-mata tetapi sebenarnya mengancam sosioekonomi masyarakat wilayah utara Semenanjung.

Justeru, Hutan Ulu Muda perlu dijaga dan adalah lebih baik jika diwartakan sebagai sebuah Taman Negeri Kedah yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air.

Bagi Pulau Pinang pula, walaupun kapasiti air terawat hampir 35 peratus melebihi permintaan air di Pulau Pinang pada 2017, bekalan air mentah yang mencukupi melalui Sungai Muda sangat diperlukan. Apabila hutan hujan di Ulu Muda dibersihkan, krisis air yang besar dijangka berlaku di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Hutan di kawasan hutan akan dikawal oleh tumbuhan. Seluruh bahagian pokok daripada daun, batang dan akar mengatur aliran air permukaan, air bawah tanah dan wap air yang mengawal kelembapan, cuaca dan keseimbangan hutan tropika di samping membawa air hujan ke tempat lain. Air yang melalui seluruh sistem hutan akhirnya boleh digunakan oleh manusia. Kurang kefahaman masyarakat umum tentang hutan dan air mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan, penyelidikan dan maklumat tentang hutan dan air.

Pada 21 Mac setiap tahun seluruh dunia menyambut Hari Hutan Antarabangsa. Dalam sambutan Hari Hutan Antarabangsa sepatutnya masyarakat dibawa berbilang tentang peranan hutan dan sumber air. Sekurang-kurangnya memastikan kelestarian bekalan air bersih yang cukup dan kehidupan di darat seperti yang disenaraikan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 6 dan SDG 15 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) 2030.

Hutan penting membekalkan manusia dengan keperluan asas untuk hidup iaitu oksigen dan air.





# LAMPIRAN 21 NEWS STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 8 TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)





*THE last supermoon of the year, known as the "Super Worm Equinox Moon", was visible yesterday, coinciding with the spring equinox.  
The last of three supermoons which began the year, the worm moon gets its name from folklore, occurring at a time when frost on the ground melts and earthworms begin to emerge.  
The supermoon phenomenon occurs when a full moon coincides with its closest point (known as "perigee") to the Earth.*

**1** A view of the supermoon over the Crystal Mosque at 7am in Kuala Terengganu yesterday. PIC BY GHAZALI KORI

**2** A view of the full moon over the Bandar Kuching Mosque at 7am in Kuching. HAZREEN MOHAMAD




**3** The final supermoon of the year illuminating the skies. PIC BY ZULFADHLI ZULKIFLI

**4** The moon rising over a drawbridge at 7pm in Kuala Terengganu on Wednesday. PIC BY GHAZALI KORI





LAMPIRAN 21 (SAMB)  
NEWS STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 9  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)




**5** The full moon rising over the Petronas Twin Towers at 9.30pm in Kuala Lumpur on Wednesday. PIC BY MOHD YUSNI ARIFFIN

**6** The moon illuminating the skies above Sungai Sarawak at 6.20am. PIC BY L. MANIMARAN

4

**LAMPIRAN 22**  
**UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 44**  
**TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)**



**CECAIR** logam boleh diregang dan dibentuk yang dibangunkan seperti ditunjukkan dalam filem *Terminator*. - AGENSI

## Cecair logam ala robot *Terminator* dibangunkan

**LONDON 21 Mac** - Para saintis membangunkan 'logam cair' yang dapat merevolusikan 'robotik boleh lentur' dengan pelbagai bentuk seperti dalam filem *Terminator*.

*Daily Mail* melaporkan, cecair logam itu dibandingkan dengan watak robot jahat terkenal dalam filem berkenaan apabila boleh dilentur dan dibentuk, menjadikannya sesuai dalam pembangunan robotik jenis tersebut pada masa akan datang.

Menurut para penyelidik, eksperimen cecair logam seperti galium dan aloi lain, apabila ditambah dengan nikel atau besi, dapat dibentuk menggunakan magnet, sama seperti penjahat filem ikonik, T-1000 dari *Terminator 2: Judgement Day*.

Walaupun logam lain telah dibangunkan, logam-logam itu mempunyai dua kelemahan utama.

Pertama, bahan-bahan yang terdahulu hanya boleh meregang secara mendatar disebabkan ketegangan permukaannya yang tinggi, menjadikannya sangat terhad dari segi mobiliti.

Kedua, bahan-bahan terdahulu hanya dapat dimanipulasi apabila benar-benar terendam di dalam air.

Walau bagaimanapun, kemajuan baharu telah menyelesaikan dua isu tersebut.

"Ini menjadikan platform yang cerah dan asas bagi logam cecair untuk dibangunkan lebih jauh," jelas penyelidik seperti terkandung dalam kertas penyelidikan.



LAMPIRAN 23  
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 31  
TARIKH: 22 MAC 2019 (JUMAAT)

# Idai traps residents on roofs



No where to go: Mozambicans gathered on the roof of a house submerged by floods in Buzi. — AFP

## Marooned Mozambicans cling to life as they wait for help

**BUZI (Mozambique):** Perched on the terraces of a sports stadium, scores of marooned people stare down at a basketball court filled with dirty brown water.

Five days after a vicious tropical storm tore through their neighbourhood in Buzi, central Mozambique, they remain trapped by floodwater.

A short distance away, another group is huddled together under an orange garden umbrella, on the roof of a church.

Stranded residents are desperate to be evacuated, but food and clean water are even more pressing needs.

"The situation is very bad, we haven't eaten since last Thursday.

"We are sleeping outside, everything is destroyed, our houses are destroyed, everything is gone. We have recovered nothing," said Aunicia Jose, 24, speaking in Gwara-Gwara, near Buzi.

A mob of villagers rushed to an open space where a helicopter had just dropped food, an AFP reporter saw.

Joel Baertschi, a helicopter pilot for a Christian humanitarian group, said his organisation had flown in tonnes of food, sometimes plucking people from treetops and roofs, and was now setting up a

camp for survivors.

"We can tell clearly that there is a lot less water now. I reckon 1m to 2m (down), although I am not an expert," he said.

"When we first saw them on Monday, they were in water up to their necks."

He added: "Most of them were on rooftops or gathered on trees huddling into each other and today we actually saw (some of) them walking in Buzi.

"Although the town is still flooded, it gives an indication that the water is going down and help will be easier to access the place." — AFP

“ We are sleeping outside, everything is destroyed, our houses are destroyed, everything is gone. We have recovered nothing.

Aunicia Jose

